

Akhbar : Kosmo
Segmen : Kosmo2



AYAM masak kurma yang lazat.

SAYUR campur cendawan yang menyelerakan.

ZAHARAH menunjukkan hidangan bufet Iftar Fi Sofina di Cruise Tasik Putrajaya baru-baru ini.

Menjamu selera di atas cruise

BERBUKA puasa sambil menikmati keindahan alam dengan menelusuri tasik pastinya memberi satu pengalaman yang berbeza berbanding berpuasa di tempat lain.

Pengalaman itu dapat anda rasai di Tasik Putrajaya dengan menaiki Cruise Tasik Putrajaya yang menyajikan pelbagai hidangan enak menerusi pakej Iftar Fi Sofina. Pakej tersebut disediakan sepanjang bulan Ramadan ini.

Ketua Pegawai

Eksekutif Marina Putrajaya Sdn. Bhd., Datuk Zaharah Selamat berkata, Cruise Tasik Putrajaya menyediakan pilihan menu berbuka

puasa yang menyelerakan seperti masakan nostalgia kampung dan

fusion antaranya nasi goreng ikan masin, kuetiau goreng, ayam masak merah, ayam masak kurma, ikan pari asam pedas, daging masak rendang, udang masak lemak, sup serta kuih-muih dan pencuci mulut.

“Menelusuri Tasik

Putrajaya selama satu jam 30 minit, pakej Iftar Fi Sofina ini menawarkan harga yang masih berpatutan iaitu RM127 bagi seorang dewasa manakala kanak-kanak dan warga emas RM77.

“Harga pakej yang ditawarkan amat berbaloi. Kami menjanjikan pengalaman berbuka puasa yang unik berbanding tempat lain dengan suasana malam yang mendamaikan di atas cruise,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Tambahnya, Cruise Tasik Putrajaya turut menyediakan ruangan

tempat letak kenderaan yang mencukupi dan ruangan untuk solat yang selesa buat para pengunjung.

INFO

Fi Sofina Cruise Tasik Putrajaya

- **Alamat:** Jeti Putra, Jambatan Putra Presint 1, Putrajaya.
- **Konsep:** Berbuka sambil menaiki cruise
- **Tarikh:** 27 Mei hingga 24 Jun 2017
- **Masa:** 6 petang hingga 10 malam
- **Harga:** RM127 (Dewasa) RM77 (Kanak-Kanak & warga emas)
- **Telefon:** 03-8888 3359
- **Facebook:** [cruisetasikputrajaya](#)